

# Malaysia sudah kaji implikasi sertai kumpulan BRICS

Hasrat penyertaan tingkat kerjasama ekonomi, bukan campuri urusan domestik dan politik: PM

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia sudah mengkaji kemungkinan dan implikasi, terutama dalam hubungan dengan negara anggota kumpulan ekonomi BRICS (Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan) dan negara kuasa besar, seperti Amerika Syarikat (AS) sebelum memohon menyertai kumpulan ekonomi itu, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, terdapat negara menganggotai BRICS turut menjadi anggota dalam Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), justeru tidak ada sebab Malaysia tidak membuat pertimbangan untuk menyertainya.

Beliau berkata, dalam hubungan dengan Barat dan dalam APEC, Malaysia juga tidak bersetuju dalam semua hal, seperti dalam isu Gaza, negara berkembang dan persaingan dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), namun ia tidak menyebabkan negara harus memutuskan hubungan, terutama dalam perdagangan.

"Sama juga dengan BRICS. Walaupun sistem negara seperti China dan Russia itu berbeza dalam hubungan dagang dan kerjasama, mereka adalah negara yang rapat dengan kita, tetapi ada juga negara BRICS seperti Afrika Selatan atau India yang mengamalkan sistem demokrasi lebih dekat dengan kita dan ini juga tidak halang hubungan mereka dalam BRICS dengan kita.

"Selain itu, negara seperti Emiriah Arab Bersatu (UAE), India dan Afrika Selatan itu juga ada hubungan dagang yang baik, kerjasama ekonomi dengan Eropah, AS, yang tidak bersama dengan BRICS.

"Justeru, tidak ada sebab mengapa kita dan beberapa negara ASEAN yang sekarang sudah memohon bersama BRICS, harus



bimbang kerana ketetapan kita bukan mencampuri urusan domestik dan politik negara masing-masing.

"Kita menekankan keutamaan perdagangan dan perluasan jaringan supaya negara dan rakyat, terutama pedagang, peniaga dan pelabur memperoleh manfaat," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Doris Sophia Anak Brodi (GPS-Sri Aman) mengenai kekhawatiran sesetengah pihak berhubung implikasi penyertaan Malaysia dalam BRICS dari segi hubungan dan kerjasama dengan negara anggota BRICS yang mempunyai latar belakang ekonomi, politik dan sosial serta negara kuasa besar.

## Buka ruang baharu

Menjawab soalan asal Lee Chuan How (PH-Ipoh Timor) mengenai dasar dan hala tuju Malaysia susulan hasrat menyertai BRICS dan bagaimana penyertaan itu membantu perkembangan ekonomi negara, khususnya dalam meningkatkan potensi eksport tempatan ke negara BRICS, Per-

dana Menteri berkata, ada kebijaksanaan untuk negara membuka ruang baharu, terutama dalam agenda Selatan Global (Global South), yang menunjukkan kesediaan negara bangkit mempertahankan kepentingan kawasan, yang tidak hanya terikat kepada satu kekuatan ekonomi.

Katanya, pada masa sama, kerjasama dalam APEC, Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Trans-Pasifik (CPTPP) dan Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik (IPEF) akan terus diperku-

kuh. "Beberapa negara termasuk Thailand dan Indonesia juga sudah memohon penyertaan dalam OECD dan Malaysia sedang mengkaji kemungkinan bersama negara jiran untuk mengembangkan hubungan kita, termasuk dagang dan pelaburan, selain yang sedia ada.

"Kita percaya ini akan memberi kekuatan baharu kerana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara anggota BRICS sudah mencecah AS\$26.6 trilion, iaitu 26.2 peratus daripada KDNK dunia," katanya.

## Kerangka NACS dibentang hari ini

**Kuala Lumpur:** Kerangka Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 akan dibentang di Dewan Rakyat hari ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, NACS 2024-2028 adalah kesinambungan lalu, tetapi ia dimantapkan secara lebih spesifik mengenai apa-apa isu mengenai dasar dan strategi pelaksanaan.

"Kita lihat umpamanya, masalahnya ialah penguatkuasaan dan sebab itu dalam strategi NACS ditekankan lima strategi teras dan ada substrategi serta strategi penguatkuasaan, termasuk pendidikan, kebertanggungjawaban awam, suara rakyat dan insentif untuk membanteras rasuah ini," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.